

3 Mac 2016
KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

BAYARAN PEMERIKSAAN KENDERAAN GUNA KAD TOUCH 'N GO

Shah Alam, 3 Mac 2016 – PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) telah menyediakan satu alternatif pembayaran secara elektronik selain daripada bayaran secara tunai, iaitu penggunaan kad Touch 'n Go, untuk semua jenis pemeriksaan hanya di cawangan-cawangan tertentu untuk memudahkan para pelanggan.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Encik Mohammed Shukor Ismail berkata, penggunaan kad Touch 'n Go ini dapat mempercepatkan proses pembayaran di PUSPAKOM tanpa perlu menyediakan wang tunai dan syiling seiring dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Badan korporat atau syarikat-syarikat yang mempunyai *PLUSTRack Card* dan *Fleet Pass Card* daripada Touch 'n Go juga boleh diterima pakai di cawangan-cawangan tersebut.

“Penggunaan kad Touch 'n Go ini telah diperkenalkan di 11 cawangan yang terpilih di Lembah Klang, Negeri Sembilan, Perak dan Melaka dan telah pun mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelanggan. Pusat pemeriksaan PUSPAKOM di Shah Alam merupakan cawangan pertama yang memperkenalkan perkhidmatan penggunaan kad Touch 'n Go sejak tahun 2014.”

Tambahan beliau, usaha pelaksanaan ini merupakan satu inisiatif yang diambil PUSPAKOM bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan. Kami bercadang untuk melanjutkan perkhidmatan ini secara berperingkat ke cawangan-cawangan PUSPAKOM lain.”

Cawangan-cawangan yang telah melaksanakan perkhidmatan dengan penggunaan kad Touch 'n Go adalah seperti berikut:

NEGERI	CAWANGAN
Kuala Lumpur	Wangsa Maju, Cheras dan Taman Bukit Maluri
Selangor	Shah Alam, Padang Jawa, Glenmarie, Pandan Mewah dan Petaling Jaya
Negeri Sembilan	Seremban
Perak	Manjung
Melaka	Alor Gajah

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM 1-800-88-6927 atau layari laman sesawang PUSPAKOM di www.puspakom.com.my.

####

JABATAN KOMUNIKASI & KHIDMAT PELANGGAN
PUSPAKOM Sdn Bhd
03-2052 7465

Mengenai PUSPAKOM

Ditubuhkan pada tahun 1994, PUSPAKOM, anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad, merupakan satu-satunya syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan sewa beli, pindah milik dan insurans.

Pengumuman perkhidmatan penggunaan kad Touch 'n Go di PUSPAKOM



Pembayaran lebih mudah dengan Touch 'n Go di cawangan terpilih PUSPAKOM:

Kuala Lumpur/ Selangor	Negeri Sembilan
Wangsa Maju Cheras Taman Bukit Maluri Shah Alam Padang Jawa Glenmarie Pandan Mewah Petaling Jaya	Seremban
	Perak
	Manjung
	Melaka
	Alor Gajah

Touch 'n Go Sdn Bhd (406400-X)
Careline : +603-2714 8888

  @MyTouchnGo
www.touchngo.com.my